

Panglima ATM mulakan tugas secara rasmi

Kuala Lumpur: Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang baharu, Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin memulakan tugas secara rasmi di Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, di sini, semalam.

Beliau yang dilantik Panglima ATM ke-20 menggantikan Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dalam Majlis Serah Terima Tugas pada 20 Jun lalu.

Terdahulu, Zulkifli tiba di wisma berkenaan jam 9 pagi sebelum disambut Kawalan Kehormatan Utama yang memberikan tabik hormat di Padang Kawad, Dataran Wisma Pertahanan.

Beliau kemudiannya membuat pemeriksaan perbarisan sebelum masuk ke bangunan Wisma Per-

tahanan dan merakamkan kad kehadiran jam 9.10 pagi.

Zulkifli kemudiannya masuk ke pejabatnya dan melakukan sim-bolik memulakan tugas.

Zulkifli, 59, pernah memegang jawatan Panglima Tentera Darat pada 2011 sebelum dilantik Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 2013.

Yang turut hadir, Ketua Setia-usaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zulkiple Kassim; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Af-fendi Buang.

Zulkifli Zainal Abidin

- Dilantik Panglima ATM ke-20 menggantikan Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.
- Pernah memegang ja-

watan Panglima Tentera Darat pada 2011 sebelum dilantik Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada 2013.

Info

FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH



Zulkifli menandatangani surat terima tugas sambil diperhatikan Abdul Rahim (dua dari kiri), Zulkiple (dua dari kanan), Ahmad Kamarulzaman dan Affandi (kiri) di Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, semalam.

Panglima Angkatan Tentera baharu lapor diri

KUALA LUMPUR 26 Jun - Panglima Angkatan Tentera yang baharu, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin melapor diri di Wisma Pertahanan di sini hari ini selepas dilantik secara rasmi pada 20 Jun lalu.

Beliau yang tiba pada pukul 9 pagi menerima tabik hormat dari pada kontinjen Kawalan Kehormatan Utama dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) yang diketuai Mejar Ahmad Safuan Jaafar serta diiringi Pancaragam Pusat RAMD.

Zulkifli seterusnya mengetip kad kehadiran di mesin perakam waktu sebelum melangkah masuk ke pejabat bagi memulakan tugas pertamanya.

Yang turut hadir Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim; Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Affendi Buang dan Panglima Tentera Laut, Jeneral Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin.

Zulkifli yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menerima tugas dan diberi kepercayaan untuk memulakan tugas tersebut bagi menggantikan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Menurut satu kenyataan Kementerian Pertahanan, Zulkifli berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan di Asian Institute



ZULKIFLI ZAINAL ABIDIN memberi tabik hormat sewaktu memeriksa perbarisan di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur, semalam.

of Management, Filipina serta memperoleh Diploma Lanjutan dalam Perniagaan dan Pengurusan (Kepujian) di Swansea Institute of Higher Education, University of Wales.

Pengalaman ketenteraan beliau amat luas dan pernah terlibat secara aktif dalam operasi mela-

wan anasir komunis selama 10 tahun bermula pada 1979 hingga 1989.

Zulkifli juga pernah menjawat pelbagai jawatan di peringkat staf, pemerintahan dan latihan Tentera Darat dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk sebagai Pegawai Staf Kanan kepada Pang-

lima Angkatan Tentera pada 2001.

Pengalamannya dalam bidang kejurulatihan juga cukup luas dan beliau pernah dipinjamkan kepada pasukan Tentera New Zealand sebagai jurulatih kanan di Sekolah Infantri Tentera New Zealand dari tahun 1986 hingga 1988.